

**SIGHAH PENJELASAN HUKUM**  
**MESYUARAT LEMBAGA FATWA NEGERI SARAWAK KALI KE-17**

**TARIKH : 13 JULAI 2010 / 01 SYAABAN 1431H**

**TEMPAT : DI BILIK SYURA, PEJABAT MUFTI**

**NO. KERTAS KERJA : KERTAS MESYUARAT 1**

**TAJUK : HUKUM PENGLIBATAN ORANG ISLAM DALAM AKITVITI CANDLELIGHT VIGIL PADA SESUATU PERHIMPUNAN ATAU CARA**

Setelah mendengar pembentangan kertas kerja berkenaan, mesyuarat sebulat suara menerima hukum seperti yang diputuskan dalam Muzakarah tersebut seperti berikut :

- i. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, ahli Mesyuarat sebulat suara memutuskan bahawa Islam melarang umatnya daripada terlibat dalam apa jua amalan yang bersifat *ritual* atau upacara agama bukan Islam.
- ii. Sehubungan itu, Mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa umat Islam dilarang menyertai aktiviti *Candlelight Vigil* kerana ia mengandungi unsur-unsur *tasyabbuh* dengan agama bukan Islam yang akan menjejaskan akidah umat Islam.
- iii. Mesyuarat bersetuju agar **khutbah khas** disediakan berhubung perkara ini dan dicadangkan supaya Jabatan Agama Islam Sarawak mengurusatiakan perbincangan atau bengkel khusus yang membincangkan tentang pendekatan dalam menyampaikan hal ini secara berkesan kepada umat Islam.

**NO. KERTAS KERJA : KERTAS MESYUARAT 2**

**TAJUK : STATUS AGAMA ANAK BAWAH UMUR SELEPAS  
SALAH SEORANG PASANGAN MEMELUK ISLAM**

Setelah mendengar keterangan dan pendapat daripada semua ahli mesyuarat telah memutuskan seperti yang berikut :

Di dalam Islam Jumhur Ulama' telah bersepakat bahawa apabila salah seorang ibu atau bapa memeluk Islam, agama anak di bawah umur juga adalah Islam dan penjagaan anak hendaklah diletakkan di bawah ibu atau bapa yang beragama Islam.

**Oleh yang demikian, Mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa apabila salah seorang pasangan (ibu atau bapa) memeluk agama Islam, status agama bagi anak bawah umur pasangan tersebut adalah secara langsung beragama Islam.**

**NO. KERTAS KERJA : KERTAS MESYUARAT 3**

**TAJUK : HUKUM MENUNAIKAN HAJI BAGI PESAKIT YANG  
MENJALANI RAWATAN HEMODIALISIS**

Setelah mendengar pembentangan kertas kerja berkenaan, Mesyuarat sebulat suara menerima sighah keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-84 seperti berikut:

Setelah mendengar pembentangan kertas kerja berkenaan, Mesyuarat sebulat suara menerima sighah keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-84 seperti berikut :

- i. Pesakit yang menghidap penyakit kronik yang tidak ada harapan sembuh seperti pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis dan seumpamanya tidak wajib menunaikan ibadah haji;**

- ii. Pesakit kronik adalah wajib melaksanakan *badal* haji sekiranya berkemampuan daripada sudut kewangan; dan
- iii. Sekiranya telah sembuh daripada sakit kronik, individu tersebut wajib menunaikan ibadah haji jika berkemampuan.

**NO. KERTAS KERJA : KERTAS MESYUARAT 4**

**TAJUK : HUKUM PEWARISAN BAGI KES KEMATIAN SERENTAK**

Setelah mendengar pembentangan kertas kerja berkenaan, mesyuarat sebulat suara menerima sighah keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia seperti berikut:

- i. Mesyuarat memutuskan bahawa **mana-mana ahli keluarga yang meninggal dunia secara serentak dalam kejadian yang sama atau sebaliknya dan tidak dapat ditentukan siapa yang mati terlebih dahulu bagi menentukan hak pewarisan, maka mereka tidak akan saling mewarisi antara satu sama lain kerana berdasarkan syarat-syarat pewarisan, waris (al-Warith) hendaklah masih hidup semasa kematian orang yang mewariskan (al-Muwarrith). Oleh itu, harta pusaka si mati akan dibahagikan kepada waris-waris yang hidup tanpa mengambilkira bahagian ahli keluarga yang mati bersamanya.**
- ii. Bagi merekodkan waktu kematian, **perakuan pakar perubatan hendaklah diterimapakai dan dicatatkan dalam Sijil Kematian.**

**NO. KERTAS KERJA : KERTAS MESYUARAT 5**

**TAJUK : HUKUM PENGELUARAN DAN PENERIMAAN ZAKAT BAGI YANG TELAH DIISYTIHARKAN MUFLIS**

Setelah mendengar pembentangan kertas kerja berkenaan, berbincang mengenai hujjah dan dalil-dalilnya, ahli Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju bahawa asas pertimbangan dalam menetapkan hukum zakat bagi yang telah diisytiharkan muflis adalah seperti berikut:

- i. Apabila seseorang telah diisytiharkan sebagai muflis disebabkan hutang yang ditanggung melebihi harta yang dimiliki, maka **tiada zakat yang dikenakan** kerana harta yang ada telah disekat untuk melunaskan hutang semasa.
- ii. Seseorang yang diisytiharkan muflis sekiranya mempunyai harta selain harta yang disekat sama ada harta tersembunyi atau seumpamanya, maka harta tersebut **wajib dizakatkan sekiranya cukup nisab dan genap tempohnya setahun.**
- iii. Sekiranya individu yang telah diisytiharkan muflis tidak mempunyai sumber pendapatan lain pada ketika itu, maka dia layak untuk menerima zakat di bawah asnaf al-gharimin dengan syarat-syarat seperti berikut;-
  - a. **Hendaklah orang yang berhutang itu mempunyai keperluan untuk memiliki harta yang dapat melunaskan hutang-hutangnya.** Dan apabila dia menjadi kaya dan mampu untuk melunaskan semua hutangnya dengan harta yang dimiliki, maka dia tidak layak untuk menerima zakat.
  - b. **Hendaklah hutang yang ditanggung itu dalam urusan ketaatan atau perkara yang diharuskan.** Sekiranya dia berhutang untuk tujuan yang maksiat, maka tiada bahagian zakat untuknya kerana ianya sama seperti menolongnya berbuat maksiat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.
  - c. **Hutang yang ditanggung hendaklah hutang semasa yang memerlukan pelunasan pada waktu itu.** Sekiranya hutang tersebut bertempoh maka pendapat yang sahih seperti yang dinyatakan oleh Imam an-Nawawi adalah tidak diberikan zakat.